

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

**IEK 106/3 – SISTEM PERUNDANGAN PERSEKITARAN  
KESIHATAN DAN KESELAMATAN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan. Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. Kaji beberapa laporan akhbar (a-e) yang diberikan di sini dan nyatakan perundangan/peraturan yang berkaitan di bawah Perundangan Kualiti Alam Sekitar 1974 (Akta 127) (Pindaan 2000) dan/atau OSHA 1994.  
(20 markah)
  
2. Apakah Konvensyen Basel serta tujuannya?  
(20 markah)
  
3. Kaji perbualan di antara pengurus kilang dengan orang di bawahnya dan nyatakan perundangan dan peraturan yang berkaitan.

Pengurus kilang

Kilang ini telah mendapat penempahan yang banyak dari luar negara dan telah meningkatkan hasil sebanyak satu ganda. Kita juga telah menukarkan satu bahan mentah yang lebih murah tetapi nilai porduk tidak berkurangan. Ini merupakan satu perkembangan yang baik untuk syarikat kita.

Penyelia garisan  
(Line Supervisor)

Bahan yang tuan maksudkan itu telah digunakan oleh beberapa orang anak buah saya dan saya dapati mereka banyak hari minta cuti sakit kerana terjadi kerengsaan takak dan kepedihan mata. Boleh saya dapat sedikit maklumat tentang bahan baru ini.

...3/-

- 3 -

Pengurus kilang                      Saya sendiri kurang pasti dan akan tanya kepada pembekal nanti.

Operator unit rawatan air kumbah                      Tuan, saya dapati ada bau yang tidak menyenangkan hati semenjak sebulan lepas yang timbul daripada tangki A di sistem rawatan air kumbah. Tambahan pula air lepasan didapati mengandungi bahan yang terampai.

Pengurus kilang                      Mana hasil analisis air kumbah effluen?

Operator unit rawatan air kumbah                      Maaf tuan, kami tidak ada analisis air kumbah semenjak beberapa bulan sudah.  
(20 markah)

4. (a) Apakah tugas (a) seorang pekerja (b) majikan (c) pembuat/pereka bentuk (d) pegawai perubatan kesihatan dan keselamatan di bawah OSHA.

(b) Apakah tujuan OSHA ditubuhkan?  
(20 markah)

5. Nyatakan garis panduan penyimpanan bahan kimia berbahaya di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan.  
(20 markah)

6. Apakah garis panduan terkandung di dalam USECHH (Use and Standard of Of Chemicals Hazardous to Health)?  
(20 markah)

- oooOooo -